

KENYATAAN AKHBAR

22 September 2023

ADAKAH KITA SEMUA MEROKOK, ATAU JEREBU SAHAJA?

Sehari darurat jerebu sama mudarat seperti merokok 23 batang rokok dalam sehari.

Kuala Lumpur - Tahukah anda bahawa bernafas dalam keadaan berjerebu mempunyai kesan buruk sama seperti merokok?

Greenpeace Malaysia melancarkan satu kempen digital tentang impak '[Rokok Halimunan](#)', pencemaran udara yang berpunca daripada domestik dan jerebu rentas sempadan.

Bernafas dalam udara jerebu pada tahap [500 Indeks Pencemaran Udara \(IPU\)](#) IPU boleh [dianggap sama seperti merokok kira-kira 23 batang rokok dalam sehari](#). Pendedahan jangka panjang terhadap [pencemaran udara melebihi 101 IPU \(tahap tidak sihat\)](#) [seperti yang dihadapi sebahagian rakyat Malaysia](#) pula sama seperti merokok sebanyak 4.5 batang rokok sehari.

Pelbagai bukti kesan kematian berkaitan dengan pendedahan jangka panjang terhadap pencemaran udara sekeliling, yang juga merupakan ancaman luar terbesar terhadap jangka hayat manusia menurut [Laporan Indeks Kualiti Udara 2023 \(AQI\)](#), Secara purata, kesan PM2.5 adalah sama nilai berbanding dengan merokok, lebih daripada 3 kali ganda penggunaan alkohol dan air yang tidak selamat, serta lebih daripada 5 kali ganda kemalangan kereta di jalan raya.

Kempen digital ini bertujuan untuk menimbulkan persoalan dan kesedaran awam mengenai isu jerebu rentas sempadan yang telah berdekad lamanya dan definisi udara selamat dalam perspektif masyarakat Malaysia. Kempen ini juga menggalakkan rakyat Malaysia untuk menandatangani petisyen yang menuntut kerajaan meluluskan Akta Pencemaran Kabut Rentas Sempadan (THPA).

Kempen ini diterjemahkan kepada video berimpak tinggi yang menggambarkan [golongan yang paling lemah iaitu kanak-kanak, ibu mengandung dan warga tua](#), yang secara tidak sedar terpaksa bernafas dalam keadaan berbahaya kerana mengandungi [zarah terampai \(PM2.5\) berpunca dari pencemaran udara, yakni setanding dengan kesan merokok](#).

Heng Kiah Chun, JuruKempen Strategis Serantau Greenpeace Asia Tenggara:

“Ketua-ketua negara ASEAN telah berbincang mengenai pencemaran jerebu rentas sempadan beberapa dekad lamanya termasuklah janji-janji yang diumumkan pada persidangan ASEAN yang lepas. Walau bagaimanapun, jika kita menilai dari tahap pencemaran udara yang tidak sihat yang masih kita alami sekarang di peringkat serantau, janji-janji ini adalah lemah dan tidak berkesan.”

“Kerajaan tidak sepatutnya menormalisasikan pencemaran jerebu kerana udara bersih adalah hak asasi manusia. Sudah tiba masanya untuk para menteri kita membentangkan semula Akta Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (THPA) dalam persidangan yang akan datang supaya mereka mempunyai kuasa dalam menghentikan aktiviti pencemar-pencemar besar luar dan dalam negara. Ini juga adalah untuk melindungi hak kita untuk bernafas dalam udara bersih dan menjaga nama baik industri minyak kelapa sawit negara.”

James Yap, Pengarah Kreatif Leo Burnett Malaysia:

“Greenpeace Malaysia barangkali satu-satunya suara yang membawa isu pencemaran jerebu tahunan, dan ini merupakan inisiatif untuk mendapatkan perhatian lebih ramai rakyat Malaysia kerana kesedaran terhadap isu ini adalah sangat rendah.”

“Rakyat Malaysia telah menormalisasikan pencemaran jerebu selama lebih daripada 2 dekad dan menyebabkan kehidupan seharian menjadi sangat sukar, khususnya kepada golongan belia yang berumur bawah 20 tahun kerana mereka membesar dengan pencemaran jerebu. Rakyat yang lebih tua pula akan teringat akan suatu masa tanpa jerebu, lantas berasa marah dan bimbang tetapi tidak berdaya dan akhirnya hanya belajar untuk menyesuaikan diri. Tetapi situasi ini tidak boleh diterima menjadi sebuah norma kerana sikap ‘**tidak apa - biasalah**’ kita yang tidak memberi manfaat langsung kepada kesihatan dan kerana kita semua mempunyai hak terhadap udara yang bersih.

-Tamat-

Nota kepada Editor:

- Pautan ke filem PENUH ‘[Rokok Halimunan](#)’ di platform-platform Greenpeace Malaysia
 - [Take A Deep Breath](#)
 - [Share Share](#)
 - [Mirror The Smoke](#)
- Pencemaran udara merupakan [ancaman luar terbesar terhadap jangka hayat manusia](#)
 - Kesan PM2.5 adalah setanding dengan merokok, lebih daripada 3 kali ganda daripada penggunaan alkohol dan air tidak selamat, dan lebih daripada 5 kali ganda daripada kecederaan pengangkutan seperti kemalangan kereta
- [Kesan buruk sehari darurat jerebu bersamaan dengan merokok sebanyak 23 batang rokok sehari](#)
 - Pengumuman kerajaan hanya pada [bacaan IPU melebihi 500 akan diumum darurat negara.](#)
- [Kategori pembacaan skala IPU:](#)
 - Di antara 0 dan 50 IPU (bagus)
 - 51-100 IPU (sederhana)
 - 101 ke 200 IPU (tidak sihat)
 - 201 ke 300 IPU (sangat tidak sihat)
 - Atas 300 IPU (berbahaya)
- Beberapa negeri yang telah mengalami udara yang tidak sihat tahun ini, [yang melebihi paras udara tidak sihat 101 IPU](#)

Tentang Greenpeace Malaysia

Greenpeace Malaysia merupakan sebuah organisasi bebas dengan rangkaian global yang berkempen dan protes secara aman, bebas, dan kreatif untuk mendedahkan masalah alam sekitar diperingkat global serta memberi solusi penting untuk masa depan yang hijau dan damai.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Yvonne Nathan, JuruKempen Digital dan Media | yvonne.nathan@greenpeace.org | +6017-6628306